# أصول الدين

## للسنة الثانية

# (التوحيد)

فهرس


١. الأدلة على وجود الله تعالى 1

٢. أسماء الله الحسنى 3

٣. صفات الله 6

Pelajaran 1

## BUKTI TENTANG KEWUJUDAN ALLAH SWT

**Takrif adillah**
**Adillah** dari sudut **bahasa** ialah sesuatu yang menjadi bukti. Kata tunggalnya ialah dalil (bukti).

**Adillah** dari sudut **istilah** ialah sesuatu yang boleh menyampaikan - dengan penelitian yang betul - kepada sesuatu yang dicari.

**Bahagian Adillah**
Adillah terbahagi kepada tiga bahagian:
**1. Dalil naqli** ialah dalil nas daripada al Quran, Hadis atau ijmak ulama.

**2. Dalil akal** ialah sesuatu yang diketahui oleh akal dalam sesuatu perkara yang mana akal adalah tempat mendapat bukti / dalil seperti bukti penciptaan alam ini bagi kewujudan Allah swt.

**3. Dalil alam semesta** ialah sesuatu yang dapat diketahui oleh panca indera yang lima daripada mengisbatkan kewujudan Allah swt.

*** Bahagian dalil akli**

**Wajib akli** : Setiap perkara yang tidak tergambar tiadanya (pada akal manusia)
**Mustahil akli** : Setiap perkara yang tidak tergambar adanya (pada akal manusia)
**Harus akli** : Setiap perkara yang boleh tergambar ada dan tiadanya (pada akal manusia)

## DALIL NAQLI, AKALI DAN KAUNI TENTANG KEWUJUDAN ALLAH SWT

**Dalil Naqli :**
Firman Allah swt :
“Berkata rasul-rasul mereka: "Apakah ada keragu-raguan terhadap Allah, Pencipta langit dan bumi? dia menyeru kamu untuk memberi ampunan kepadamu dari dosa-dosamu dan menangguhkan (siksaan)mu sampai masa yang ditentukan?" mereka berkata: "Kamu tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga. kamu menghendaki untuk menghalang-halangi (membelokkan) kami dari apa yang selalu disembah nenek moyang kami, Karena itu datangkanlah kepada kami, bukti yang nyata".

Surah Ibrahim : ayat 10

الدرس الأول

## الأدلة على وجود الله تعالى

تعريف الأدلة

في اللغة : ما يُستدل به، ومفردها الدليل.

في الإصطلاح : ما يمكن التوصل بصحيح النظر فيه إلى مطلوب خبري.

**(٢) أقسام الأدلة**

١- الدليل النقلي : الدليل النَّصّي من القرآن الكريم، أو سنة النبي، أو إجماع أهل العلم.

٢- الدليل العقلي : ما أدركه العقل في الموضوع الذي هو محل الاستدلال به، كالاستدلال بخلق العالم على وجود الله.

٣- الدليل الكوني : ما أدركه الحوَّاس الخمس من المخلوقات التي تُثبت وجود الله.

* أقسام الأدلة العقلية :

١) الواجب العقلي : هو كل ما لا يتصور عدمه.

٢) المستحيل العقلي : هو كل ما لا يتصور وجوده.

٣) الجائز العقلي : هو كل ما يتصور وجوده وعدمه.

**(٣) الدليل النقلي والعقلي والكوني**

<u>الدليل النقلي</u>

﴿ قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن
ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرَكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ قَالُوٓا۟ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا تُرِيدُونَ أَن
تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا فَأْتُونَا بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

**Dalil akal** : Alam ini baharu, setiap yang baharu mesti memerlukan kepada yang menciptakannya. Maka alam memerlukan kepada pencipta iaitu Allah swt.

**Dalil Kauni** (alam semesta) : Alam semesta yang begitu menakjubkan yang merangkumi bumi dan langit, perselisihan malam dan siang, falak yang bergerak di laut dan apa yang diturunkan dari langit seperti  hujan, awan yang berarak antara langit dan bumi. Semua tanda ini menarik perhatian bahawa ia memerlukan penciptanya dan mewujudkannya adalah zat yang lebih agong daripadanya.

* Wahai saudara-saudara yang dihormati, antara hakikat yang cukup hebat pada fitrah dan akal manusia ialah hakikat kewujudan Allah swt. Hakikat inilah yang mana  akal manusia mengakui kebenarannya.

الدليل العقلي – إن العالم حادث، وكل حادث يجب افتقاره إلى محدث. فالعالم يجب افتقاره إلى محدثه وهو الله.

الدليل الكوني – هذا الكون العجيب الذي يتمثل في الأرض والسماء واختلاف الليل والنهار والفلك التي تجري في البحر وما أنزل من السماء من ماء والسحاب المسخر بين السماء والأرض، كل هذه الآيات تلفت إلى أنه لا بد من خالقها وموجدها الذي أعظم منها.

* أيها الإخوة الكرام والأخوات الكريمات، إن من أعظم الحقائق في الفطر والعقول حقيقة وجود الله سبحانه وتعالى. وهذه الحقيقة هي التي اتفقت العقول على الاعتراف بها.

Pelajaran 2

## NAMA-NAMA ALLAH YANG MULIA

**<u>Takrif Nama-Nama Allah Yang Mulia</u>**

**Nama-Nama Allah Yang Mulia** ialah Nama-nama Allah yang disukaiNya untuk diriNya (yang disebut) di dalam al Quran dan hadis nabi saw.

**Nama-Nama Allah Yang Mulia**

Nama-nama ini banyak disebut di tempat berlainan di dalam al Quran dan hadis, juga terdapat nas dalam hadis tentang bilangannya iaitu 99 nama. Al hafiz Ibnu Hajar memilih jumlah ini berdasarkan senarai imam Tarmizi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Beliau menganggapnya riwayat yang paling sahih. Berdasarkan senarai susunan nama tersebut ramai ulamak menghuraikan makna dan pengertiannya, contoh : **az Zujaj** (311 H) dalam bukunya “Tafsir Nama-nama Allah yang mulia”, **al Ghazali** (505 H) dalam bukunya “Tujuan mulia dalam menghuraikan Nama-nama Allah yang mulia”, **ar Razi** (606 H) dalam bukunya “Huraian Nama-nama Allah yang mulia” dan **al Qurtubi** dalam bukunya “Cahaya dalam menjelaskan Nama-nama Allah yang mulia dan sifat-sifatNya yang tinggi”.

**Nama-Nama Allah Yang Mulia**

| | |
|---|---|
| 1 Maha Pengasih | 2 Maha Penyayang |
| 3 Maha Merajai/Memerintah | 4 Maha Suci |
| 5 Maha Memberi Kesejahteraan | 6 Yang Memberi Keamanan |
| 7 Maha Pemelihara | 8 Maha Gagah |
| 9 Maha Perkasa | 10 Maha Megah, Yang Memiliki Kebesaran |
| 11 Maha Pencipta | 12 Yang Melepaskan (Membuat, Membentuk, Menyeimbangkan) |
| 13 Yang Membentuk Rupa (makhluknya) | |
| 14 Maha Pengampun | 15 Yang Memaksa |
| 16 Maha Pemberi Kurnia | 17 Maha Pemberi Rejeki |
| 18 Maha Pembuka Rahmat | 19 Maha Mengetahui (Memiliki Ilmu) |
| 20 Yang Menyempitkan (makhluknya) | 21 Yang Melapangkan (makhluknya) |
| 22 Yang Merendahkan (makhluknya) | 23 Yang Meninggikan (makhluknya) |
| 24 Yang Memuliakan (makhluknya) | 25 Yang Menghinakan (makhluknya) |
| 26 Maha Mendengar | 27 Maha Melihat |
| 28 Maha Menetapkan | 29 Maha Adil |
| 30 Maha Lembut | 31 Maha Mengetahui Rahasia |
| 32 Maha Penyantun | 33 Maha Agung |
| 34 Maha Pengampun | 35 Maha Pembalas Budi (Menghargai) |

الدرس الثاني

## أسماء الله الحسنى

**تعريف أسماء الله الحسنى**

أسماء الله الحسنى هي أسماء الله التي ارتضاها لنفسه في كتابه أو سنة نبيه صلى الله عليه وسلم

**أسماء الله الحسنى**

وقد ورد كثير من هذه الأسماء متفرقا في القرآن الكريم والحديث الشريف. كما ورد نص في الحديث على عددها، وهو تسعة وتسعون. واختار الحافظ ابن حجر رحمه الله هذا العدد مستندا إلى قائمة الإمام الترمذي التي رواها أبو هريرة رضي الله عنه. واعتبرها أقرب الروايات إلى الصحة. وعلى هذه القائمة، شرح كثير من العلماء معانيها ومفهومها. مثال: الزجاج (٣١١ه) في كتابه "تفسير أسماء الله الحسنى" والغزالي (٥٠٥ه) في كتابه "المقصد الأسنى شرح أسماء الله الحسنى" والرازي (٦٠٦ه) في كتابه "شرح أسماء الله الحسنى" والقرطبي (٦٧١ه) في كتابه "الأسنى في شرح أسماء الله الحسنى وصفاته العلي".

**أسماء الله الحسنى**

١) الرحمن ٢) الرحيم ٣) الملك ٤) القدوس ٥) السلام

٦) المؤمن ٧) المهيمن ٨) العزيز ٩) الجبار ١٠) المتكبر

١١) الخالق ١٢) البارئ ١٣) المصور ١٤) الغفار ١٥) القهار

١٦)الوهاب ١٧) الرزاق ١٨) العليم ١٩) الفتاح ٢٠) القابض

٢١) الباسط ٢٢) الخافض ٢٣) الرافع ٢٤) المعز ٢٥) المذل

٢٦) السميع ٢٧) البصير ٢٨) الحكم ٢٩) العدل ٣٠) اللطيف

٣١) الخبير ٣٢) الحليم ٣٣) العظيم ٣٤) الغفور ٣٥) الشكور

36 Maha Tinggi
37 Maha Besar
38 Maha Menjaga
39 Maha Pemberi Kecukupan
40 Maha Membuat Perhitungan
41 Maha Mulia
42 Maha Pemurah
43 Maha Mengawasi
44 Maha Mengabulkan
45 Maha Luas
46 Maka Bijaksana
47 Maha Pencinta
48 Maha Mulia
49 Maha Membangkitkan
50 Maha Menyaksikan
51 Maha Benar
52 Maha Memelihara
53 Maha Kuat
54 Maha Teguh
55 Maha Melindungi
56 Maha Terpuji
57 Maha Menghitung
58 Maha Memulai
59 Maha Mengembalikan Kehidupan
60 Maha Menghidupkan
61 Maha Mematikan
62 Maha Hidup
63 Maha Mandiri
64 Maha Penemu
65 Maha Mulia
66 Maha Esa
67 Maha Esa
68 Tempat Meminta
69 Maha Menentukan, Maha Menyeimbangkan
70 Maha Berkuasa
71 Maha Mendahulukan
72 Maha Mengakhirkan
73 Maha Awal
74 Maha Akhir
75 Maha Nyata
76 Maha Ghaib
77 Maha Memerintah
78 Maha Tinggi
79 Maha Penderma
80 Maha Penerima Taubat
81 Maha Penyiksa
82 Maha Pemaaf
83 Maha Pengasih
84 Penguasa Kerajaan (Semesta)
85 Pemilik Kebesaran dan Kemuliaan
86 Maha Adil
87 Maha Mengumpulkan
88 Maha Berkecukupan
89 Maha Memberi Kekayaan
90 Maha Mencegah
91 Maha Memberi Derita
92 Maha Memberi Manfaat
93 Maha Bercahaya (Menerangi, Memberi Cahaya)
94 Maha Pemberi Petunjuk
95 Maha Pencipta
96 Maha Kekal
97 Maha Pewaris
98 Maha Pandai
99 Maha Sabar

٣٦) الكبير ٣٧) العلى ٣٨) الحفيظ ٣٩) المقيت ٤٠) الحسيب

٤١) الجليل ٤٢) الكريم ٤٣) الرقيب ٤٤) المجيب ٤٥) الواسع

٤٦) الحكيم ٤٧) الودود ٤٨) المجيد ٤٩) الباعث ٥٠) الشهيد

٥١) الحق ٥٢) الوكيل ٥٣) القوى ٥٤) المتين ٥٥) الولى

٥٦) الحميد ٥٧) المحصى ٥٨) المبدئ ٥٩) المعيد ٦٠) المحيى

٦١) المميت ٦٢) الحي ٦٣) القيوم ٦٤) الواجد ٦٥) الماجد

٦٦) الواحد ٦٧) الاحد ٦٨) الصمد ٦٩) القادر ٧٠) المقتدر

٧١) المقدم ٧٢) المؤخر ٧٣) الأول ٧٤) الأخر ٧٥) الظاهر

٧٦) الباطن ٧٧) الوالي ٧٨) المتعالي ٧٩) البر ٨٠) التواب

٨١) المنتقم ٨٢) العفو ٨٣) الرؤوف ٨٤) مالك الملك

٨٥) ذو الجلال و الإكرام ٨٦) المقسط ٨٧) الجامع ٨٨) الغنى

٨٩) المغنى ٩٠) المانع ٩١) الضار ٩٢) النافع ٩٣) النور

٩٤) الهادئ ٩٥) البديع ٩٦) الباقي ٩٧) الوارث ٩٨) الرشيد

٩٩) الصبور

**Dalil daripada al Quran dan hadis bagi nama-nama Allah yang mulia**

Firman Allah swt:
Dialah Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. dia mempunyai Al asmaaul husna (nama-nama yang baik),
Surah Taha 20 : 8

Sabda nabi saw:
Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa rasulullah saw bersabda : "Sesungguhnya bagi llah 99 nama iaitu 100 yang kurang satu. Barang siapa yang menghitungnya / menjaganya nescaya dia akan masuk syurga".
Hadis riwayat Bukhari.

* Wahai sahabat sekalian, apabila kamu ingin berdoa kepada Allah maka janganlah lupa sertakan doa kamu itu dengan mana-mana nama Allah yan mulia itu. Bentuk ini adalah bentuk tawassul dengan nama-nama Allah swt. Di antara nama-nama Allah itu ada nama Allah yang paling agong. Sesiapa yang berdoa dengannya dan menyebut hajatnya, insya Allah akan mendapat apa yang dimintanya dengn izin Allah swt. Dikhususkan sebahagian nama-nama Allah itu dengan nama yang paling agong sama ada kerana mulia maknanya atau sesuatu yang menunjukkannya dan kerana sesuatu yang Allah rahsiakan dengan ilmuNya. Ulamak berbeza pendapat dalam menentukannya. Kebanyakan ulamak memilih nama tersebut ialah "ALLAH", manakala imam Nawawi memilih nama tersebut ialah "al HAYY al QAYYUM".

**الدليل من القرآن والسنة لأسماء الله الحسنى**

قال الله تعالى:
ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ۝٨ سورة طه ٢٠ : ٨

قال النبي صلى الله عليه وسلم :
عن أبي هريرة رضي الله عنه: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إن لله تسعة وتسعين اسما، مائة إلا واحدا. من أحصاها، دخل الجنة. رواه البخاري

* أيها الأصدقاء حياكم الله، إذا أردتم أن تدعوا الله، فلا تنسوا أن تستصحبوا دعائكم بشيء من أسماء الله الحسنى. فهذا الطريق هو التوسل بأسماء الله سبحانه وتعالى. ومنها ما يسمى باسم الله الأعظم. فمن دعا به وسمى حاجته، نال مطلوبه بإذن الله سبحانه وتعالى. وخُصَّ بعضُها بالأعظمية إما لشرف معناه أو ما يدلُّ عليه ولأمر استأثر الله بعلمه. واختلف العلماء في تعيينه. واختار الجمهور بأنه "الله"، حيث اختار النووي بأنه "الحي القيوم".

Pelajaran 3

## SIFAT-SIFAT ALLAH

**Takrif Sifat-sifat Allah**

**Sifat-sifat Allah** ialah petanda yang tetap pada zat Allah yang telah diketahui.

Bahagian sifat-sifat yang wajib pada hak Allah swt

**Sifat –sifat yang wajib** ialah sifat yang sabit pada hak Allah dan tidak tergambar pada akl tiadanya. Sifat yang wajib mengikut pendapat yang masyhur ialah 20 sifat. Sifat-sifat ini terbahagi kepada empat iaitu sifat nafsiah, salbiah, maani dan sifat maknawiyah

**Takrif sifat-sifat ini beserta dalilnya**

**SIFAT NAFSIAH**

**Sifat Nafsiah** ialah sifat yang sabit yang menunjukkan sifatnya kepada zat itu sendiri bukan makna tambahan baginya. Tidak diterima akal adanya zat tanpa sifat ini iaitu sifat wujud (ada).

**Sifat wujud** dengan erti bahawa adanya Allah swt dengan sebenar-benarnya, bukan kerana sesuatu sebab .

Firman Allah swt : "Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatupun ataukah mereka yang menciptakan (diri mereka sendiri)?".
Surah Tur 52 :35

**SIFAT SALBIAH**

**Sifat salbiah** ialah sifat i'tibariah (berkaitan) yang menunjukkan penafian perkara yang tidak layak bagi Allah swt.

**Sifat Qidam** (sedia ada) ialah tiada permulaan bagi kewujudanNya.
Firman Allah swt :
"Dialah yang Awal (Dia telah ada sebelum segala sesuatu ada) dan yang akhir (Dia tetap ada setelah segala sesuatu musnah ), yang Zahir (Dia nyata adaNya kerana banyak bukti- buktinya) dan yang Batin (Dia tak dapat digambarkan hikmat zat-Nya oleh akal manusia); dan dia Maha mengetahui segala sesuatu".
Surah al Hadid 57 : 3

الدرس الثالث

## صفات الله

١) **تعريف صفات الله** :

**صفات الله** : الأمارة اللازمة بذات الله الذي يعرف بها.

٢) أقسام **الصفات الواجبة** في حق الله تعالى

الصفات الواجبة هي الصفات الثابتة في حق الله تعالى، ولا يتصور في العقل عدمها. والصفات الواجبة عند القول المشهور عشرون صفة. وقد قسم هذه الصفات إلى أربعة، وهي : الصفة النفسية والصفات السلبية، والصفات المعاني والصفات المعنوية.

**تعريف الصفات مع الدليل**

**١– الصفة النفسية**

صفة ثبوتية يدل الوصف بها على نفس الذات دون معنى زائد عليها. ولا يتعقل وجود الذات بدونها وهي صفة الوجود.

**الوجود** : بمعنى أن وجوده تعالى لذاته، لا لعلة. قال تعالى:

أَمۡ خُلِقُواْ مِنۡ غَيۡرِ شَيۡءٍ أَمۡ هُمُ ٱلۡخَٰلِقُونَ ۝٣٥ سورة الطور ٥٢ : ٣٥

**٢– صفات السلبية**

صفات اعتبارية تدل على سلب ما لا يليق به.

**القدم** : هو عدم الأولية لوجوده تعالى. قال تعالى:

هُوَ ٱلۡأَوَّلُ وَٱلۡأٓخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلۡبَاطِنُۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٌ ۝٣ سورة الحديد ٥٧ : ٣

**Sifat Baqa'** (kekal) ialah tiada pengakhiran bagi kewujudanNya.
Firman Allah swt :
"Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, kecuali Allah"
Surah al Qasas 28 : 88

**Sifat Mukhalafatuhi lil hawadis** ialah Allah swt Tidak sama dengan makhluk
Firman Allah swt :
"Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia"
Surah as Syura 42 : 11

**Sifat Qiyamuhu bi nafsihi** ialah Allah swt tidak memerlukan zat untuk berdiri dengannya dan tidak memerlukan kepada pencipta yang mewujudkannya.
Firman Allah swt :
"Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kaya (Tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam".
Surah al Ankabut 29 :6

**Sifat Wahdaniah** ialah menafikan berbilang-bilang pada zat, sifat dan perbuatan.
Firman Allah swt :
"Sekiranya ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah, tentulah keduanya itu telah rosak binasa".
Surah al Anbiya' 21 :22

**SIFAT MAANI**
sifat yang menunjukkan makna yang ada pada zat.

**Qudrah** : Sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang datang dengannya mengadakan perkara mumkin (harus) dan meniadakannya mengikut kehendaknya.
Firman Allah swt :
"Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu".
Surah al Baqarah 2 : 20

**Iradah** ialah sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang mengkhususkan perkara mumkin (harus) dengan sesuatu yang harus baginya seperti kelahiran seseorang pada waktu tertentu. Maka tidak ada sesuatu yang mumkin (harus) itu kecuali dengan kehendak Allah swt.
Firman Allah swt :
"Sesungguhnya keadaan-Nya apabila dia menghendaki sesuatu hanyalah Berkata kepadanya: "Jadilah!" Maka terjadilah ia". Surah Yasin 36 : 82

**البقاء** : هو عدم الأخرية لوجوده تعالى. قال تعالى:

كُلُّ شَيۡءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجۡهَهُۥۚ سورة القصص ٢٨ : ٨٨

**مخالفته تعالى للحوادث** : هي عدم مماثلة للمخلوقات. قال تعالى:

لَيۡسَ كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ سورة الشورى ٤٢ : ١١

**قيامه بنفسه** : هو أنه تعالى لا يفتقر إلى ذات يقوم بها، ولا إلى موجد يوجده. قال تعالى:

إِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ ٱلۡعَٰلَمِينَ ۝٦ سورة العنكبوت ٢٩ : ٦

**الوحدانية** : هي سلب التعدد في الذات والصفات والأفعال. قال تعالى:

لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَاۚ سورة الأنبياء ٢١ : ٢٢

**٣- صفات المعاني**

ما دل على معنى وجودي قائم بالذات.

**القدرة** : هي صفة أزلية وجودية قائمة بذاته تعالى يتأتى بها إيجاد ممكن وإعدامه على وفق الإرادة. قال تعالى:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ۝٢٠ سورة البقرة ٢ : ٢٠

**الإرادة** : هي صفة أزلية وجودية قائمة بذاته تعالى تُخصّص الممكن ببعض ما يجوز عليه كولاة أحد في وقت معين. فلا يوجد ممكن إلا بإرادته تعالى. قال تعالى:

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ۝٨٢ سورة يس ٣٦ : ٨٢

**Sifat Ilmu** ialah sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang menyingkap pengetahuan secara sempurna.
Firman Allah swt :
"Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu lahirkan atau rahasiakan); dan dia Maha halus lagi Maha Mengetahui?"
Surah al Mulk 68 : 14

**Sifat Hayat** : sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang membenarkan bersifatnya Allah dengan sifat ilmu dan seumpamanya. Sekiranya ia mati, maka ia tidak akan bersifat dengan sifat qudrah, iradat dan ilmu. Perkara sedemikian adalah mustahil bagi Allah.
Firman Allah swt :
"Dan bertawakkallah kepada Allah yang hidup (kekal) yang tidak mati".
Surah al Furqan 25 : 58

**Sifat Sama'** : sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang menyingkap semua perkara yang wujud.
Firman Allah swt :
"Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha Melihat". Surah al Haj 22 : 75

**Sifat Basar** : sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang menyingkap semua perkara yang wujud.
Firman Allah swt :
"Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha Melihat". Surah al Haj 22 : 75

**Sifat Kalam** : sifat azali yang ada pada zat Allah swt yang bukan berbentuk huruf, bersuara dan bukan bentuk selain kedua-duanya daripada sifat-sifat baharu. Sekiranya ia tidak bersifat kalam nescaya ia akan bersifat lawannya iaitu bisu. Sifat bisu adalah mustahil bagi Allah swt.
Firman Allah swt :
"Dan Allah telah berbicara kepada Musa dengan langsung".
Surah an Nisa' 4 : 164

**العلم** : هو صفة أزلية وجودية قائمة بذاته تعالى تنكشف بها معلومات على وجه الإحاطة.
قال تعالى:
أَلَا يَعۡلَمُ مَنۡ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ ﴿١٤﴾ سورة الملك ٦٧ : ١٤

**الحياة** : هي صفة وجودية أزلية قائمة بذاته تعالى تصحّح اتّصافه تعالى بالعلم ونحوه. لو كان ميّتا، لا يتّصف بالقدرة والإرادة والعلم. وهو مُحال على الله. قال تعالى:
وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱلۡحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ سورة الفرقان ٢٥ : ٥٨

**السمع** : هو صفة وجودية أزلية قائمة بذاته تعالى تنكشف له بها الموجودات. قال تعالى:
إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعُۢ بَصِيرٞ ﴿٧٥﴾ سورة الحج ٢٢ : ٧٥

**البصر** : هو صفة وجودية أزلية قائمة بذاته تعالى تنكشف له بها الموجودات. قال تعالى:
إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعُۢ بَصِيرٞ ﴿٧٥﴾ سورة الحج ٢٢ : ٧٥

**الكلام** : هو صفة وجودية أزلية قائمة بذاته تعالى ليست بحرف ولا صوت ولا غيرهما من الأعراض الحادثة. لو لم يتصف به، لاتّصف بضدّه وهو البكم. والبكم مُحال على الله تعالى. قال تعالى: وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكۡلِيمٗا ﴿١٦٤﴾ سورة النساء ٤ : ١٦٤

**SIFAT MAKNAWIYAH**

**Sifat maknawiyah** ialah sifat yang diambil daripada sifat maani untuk menunjukkan ianya ada pada zat Allah swt.

**Kaunuhu Qadiran** : keadaan Allah swt bersifat dengan sifat qurah (berkuasa)

**Kaunuhu Muridan** : keadaan Allah swt bersifat dengan sifat iradah (berkehendak)

**Kaunuhu Aliman** : keadaan Allah swt bersifat dengan sifat ilmu (mengetahui)

**Kaunuhu Sami'an** : keadaan Allah swt bersifat dengan sifat sama' (mendengar)

**Kaunuhu Basiran** : keadaan Allah swt bersifat dengan sifat basar (melihat)

**Kaunuhu Mutakalliman** : keadaan Allah swt bersifat dengan sifat kalam (berkata-kata)

**SIFAT-SIFAT MUSTAHIL BAGI ALLAH SWT**

Iaitu sifat yang mustahil dari sudut syara' dan akal bersifatnya Allah dengan sifat tersebut. Ini kerana ia menunjukkan kekurangan pada hak Allah swt, sedangkan telah sabit secara naqli dan akal bahawa Allah swt bersifat dengan sifat sempurna yang sesuai dengan keagunganNya. Sifat mustahil bagi Allah swt ini ada 20 sifat.

**SIFAT-SIFAT MUSTAHIL BAGI ALLAH SWT**

(العدم) Hilang, Tidak ada

(الحدوث) Baru

(الفناء) Binasa, berakhir kewujudannya

(مماثلته للحوادث) Menyamainya dengan makhluk

(قيامه بغيره) memerlukan bantuan dalam sesuatu perkara

(التعدد) menjadi berbilang-bilang

(العجز) Tidak berkuasa ke atas sesuatu

(الإكراه) dipaksa melakukan sesuatu

**٤ – الصفات المعنوية**

وهي الصفات المشتقة من صفات المعاني للدلالة على قيامها بذاته.

**كونه قادرا** : كونه تعالى يتصف بصفة القدرة.

**كونه مريدا** : كونه تعالى يتصف بصفة الإرادة.

**كونه عليما** : كونه تعالى يتصف بصفة العلم

**كونه سميعا** : كونه تعالى يتصف بصفة السمع.

**كونه بصيرا** : كونه تعالى يتصف بصفة البصر.

**كونه متكلما** : كونه تعالى يتصف بصفة الكلام.

**٣) الصفات المستحيلة على الله تعالى**

هي الصفات التي يستحيل شرعا وعقلا اتصاف الله بها. وذلك لأنها تدل على النقصان في حقه سبحانه وتعالى. وقد ثبت نقلا وعقلا بأنه تعالى يتصف بكل كمال يناسب عظمته. والصفات المستحيلة على الله عشرون الصفة.

**الصفات المستحيلة على الله**

**العدم** : الفقد، لم يوجد — **الحدوث** : الجديد

**الفناء** : البيد، انتهى وجوده — **مماثلته للحوادث** : تسويته مع المخلوق

**قيامه بغيره** : يحتاج إلى المساعدة في الأمر — **التعدد** : صار ذا عدد

**العجز** : لم يقدر على الشيء — **الإكراه** : المجبر على الشيء

(الجهل) tidak ada pengetahuan (الميّت) Mati (yang hilang nyawa)

(الصمّ) hilang pendengaran

(العُمْيُ) Hilang penglihatan seluruhnya, tidak dapat melihat

(البُكمُ) tidak mampu bertutur

(كونه عاجزا) menjadi tidak berkuasa

(كونه مكرها) menjadi terpaksa

(كونه جاهلا) menjadi tidak mengetahui

(كونه ميّتا) menjadi tidak bernyawa

(كونه أصم) menjadi hilang pendengaran

(كونه أعمى) menjadi hilang penglihatan (كونه أبكم) menjadi bisu

Oleh itu, Allah swt maha suci daripada sifat-sifat ini dan tidak boleh menyifatkanNya dengan sifat tersebut. Bagaimana mungkin pencipta alam semesta dan pentadbirnya boleh bersifat dengan sifat kekurangan ini? Tidak ada tuhan kecuali Allah dan tidak ada tuhan selainNya.

**SIFAT-SIFAT HARUS BAGI ALLAH**

Perkara harus ialah sesuatu yang boleh adanya atau mendapatkannya pada akal, berbeza dengan perkara mustahil dan wajib. Sifat harus pada hak Allah ialah Allah boleh memilih untuk melakukan sesuatu atau meninggalkannya. Tidak ada seseorang pun yang boleh memaksanya dengan sesuatu atau menghalangnya dalam perbuatan dan kehendakNya. Firman Allah swt: "Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dia kehendaki dan memilihnya. sekali-kali tidak ada pilihan bagi mereka. Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan (dengan Dia)". Surah al Qasa 28 : 68.

Dalam ayat ini harus pada hak Allah swt untuk melakukan atau meninggalkan apa yang Dia kehendaki seperti mencipta makhluk, rezeki, mematikan dan menghidupkan. Maka tidak wajib ke atasNya melakukan perkara tersebut. Dan tidak mustahil ke atasNya meninggalkan perkara tersebut. Seumpama itulah juga perkara yang boleh dikira sebagai sifat harus pada hak Allah swt.

**الجهل** : خلاف المعرفة — **الميّت** : من فارق الحياة

**الصمّ** : ذهاب السمع — **العُمْيُ** : ذهاب البصر كله، لم ير

**البُكمُ** : العجز عن الكلام — **كونه عاجزا** : صار غير قادر

**كونه مكرها** : صار مُـجْبَرًا — **كونه جاهلا** : صار غير العارف

**كونه ميّتا** : صار من لا حياة له — **كونه أصم** : صار فاقد السمع

**كونه أعمى** : صار ذاهب البصر — **كونه أبكم** : صار أخرس

إذن، فالله منزّه عن هذه الصفات ولا يجوز اتصافه بها. كيف يكون خالق العالم ومدبرها متصفا بالصفات الناقصة لذاتها؟ لا إله الله، ولا ربّ سواه.

**٤) الصفات الجائزة لله تعالى**

الجائز هو ما يحتمل وجوده أو حصوله عقلا خلاف الممتنع والواجب. والصفة الجائزة في حق الله هي أن الله مختار بأن يفعل الشيء ويتركه. وليس لأحد أن يلزمه بشيء أو يعترض عليه في فعله ومشيئته. قال الله تعالى: وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٨﴾ سورة القصص ٢٨ : ٦٨. وفي هذه الآية يجوز في حقه أن يفعل أو يترك ما يريد كالخلق والرزق والإماتة والإحياء فلا يجب عليه فعله. ولا يستحيل عليه تركه. ومثل ذلك ممّا يناسب أن يعتبر صفة جائزة في حقه سبحانه وتعالى.